

# UMS sasar 10 peratus pelajar a-bangsa

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menasasarkan 10 peratus daripada keseluruhan pelajarannya adalah pelajar antarabangsa, kata Naib Caiselornya Brig. Jen. Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj Ampon.

Katanya, pihaknya akan memperhebat usaha mempromosi UMS untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa menuntut di universiti berkenaan.

"Setakat ini hanya China, Angeria, Bangladesh, India, Turki selain negara-negara di Asia Tenggara menuntut di universiti ini dalam 64 program yang ditawarkan," katanya.

Seramai 4,143 pelajar baru telah mendaftar untuk sesi pengajian yang bermula bulan ini.

Terdahulu dalam ucapan perasmian majlis Suai Mesra 2010/2011, Pengerusi Lembaga Pengarah

UMS, Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh berkata UMS sentiasa berusaha memenuhi keperluan sumber manusia yang berilmu pengetahuan tinggi melalui pengajian, penyelidikan dan program khidmat bakti masyarakat.

Tambahnya, pelbagai kemudahan dan prasarana pengajian disediakan bagi menjamin kualiti dan ketrampilan graduan yang dihasilkan.